

D 19

**TINDAKAN APABILA BERLAKU
KELARIAN**

TERHAD

PERINTAH TETAP : D19/2015	M / S : 1 /10
TAJUK: TINDAKAN APABILA BERLAKU KELARIAN	TARIKH : 2 SEPTEMBER 2015

1. PENDAHULUAN

1.1 - Kelarian penghuni adalah salah satu krisis yang perlu ditangani di Pusat Pemulihan bagi mengelakkan daripada kejadian ini terus berlaku.

2. TUJUAN

2.1 Tujuan Perintah Tetap Ketua Pengarah ini ialah untuk menentukan tindakan yang perlu diambil apabila berlaku kelarian penghuni di Pusat Pemulihan.

3. SKOP

3.1 Prosedur ini merangkumi tatacara yang diguna pakai bagi menangani kejadian kelarian di Pusat Pemulihan seperti berikut:

3.1.1 Kelarian penghuni dari Pusat Pemulihan

3.1.2 Kelarian di luar Pusat Pemulihan

3.1.3 Gerakan mencari

3.1.4 Penghuni menyerah diri atau ditangkap

3.1.5 Jawatankuasa siasatan

3.1.6 Tindakan serta-merta terhadap pegawai yang bertugas

TERHAD

PERINTAH TETAP : D19/2015	M / S : 2 /10
TAJUK: TINDAKAN APABILA BERLAKU KELARIAN	TARIKH : 2 SEPTEMBER 2015

4. TERMINOLOGI

4.1 Kelarian Penghuni

Penghuni yang melarikan diri dari kawasan Pusat Pemulihan, di luar Puat Pemulihan, semasa mengikuti aktiviti *Outing & Excursion*, semasa menerima rawatan di hospital atau semasa bercuti dan semasa menghadiri perbicaraan di mahkamah.

5. TUJUAN TINDAKAN APABILA BERLAKU KELARIAN

- 5.1 Menentukan tindakan awal yang perlu dilaksanakan apabila berlaku kelarian.
- 5.2 Menetapkan tugas dan peranan Pegawai Agensi Pusat Pemulihan untuk tindakan terhadap kelarian.

6. PROSEDUR PELAKSANAAN

A. Kelarian Penghuni Dari Pusat Pemulihan

1. Mana-mana pegawai yang menyedari berlakunya kelarian atau menerima maklumat tentang kelarian tersebut, hendaklah dengan segera melaporkannya kepada Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi, Pengawal Keselamatan dan Penyelia Asrama untuk mengenalpasti tempat, masa dan penghuni yang terlibat.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D19/2015	M / S : 3 /10
TAJUK: TINDAKAN APABILA BERLAKU KELARIAN	TARIKH : 2 SEPTEMBER 2015

2. Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi hendaklah dengan secepat mungkin melaporkan kelarian ini kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada 24 jam.
3. Pengawal Keselamatan hendaklah dengan segera membunyikan siren sebanyak tiga (3) kali secara berturut-turut dengan selang lima (5) saat sekali.
4. Apabila mendengar siren kecemasan, Ketua Giliran Bertugas (KGB) hendaklah mendapatkan maklumat awal kelarian penghuni.
5. Setelah mendapat maklumat awal, Ketua Giliran Bertugas (KGB) hendaklah dengan segera melaporkan kepada Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi tentang kelarian tersebut.
6. Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Pengarah Negeri yang berkenaan dan Pengarah Bahagian Rawatan, Perubatan dan Pemulihan, Pengarah Bahagian Pengesanan dan Pengawasan serta Ketua Penolong Pengarah (Institusi).
7. Ketua Giliran Bertugas (KGB) dan Pengawal Keselamatan hendaklah menjalankan *roll call* dengan segera untuk memastikan jumlah penghuni dan mengenalpasti kes yang melarikan diri.
8. Ketua Cawangan Keselamatan hendaklah menghubungi pihak polis untuk memaklumkan kelarian tersebut.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D19/2015	M / S : 4 /10
TAJUK: TINDAKAN APABILA BERLAKU KELARIAN	TARIKH : 2 SEPTEMBER 2015

9. Pengawal Keselamatan yang terlibat hendaklah membuat laporan polis mengenai kelarian penghuni dalam tempoh 24 jam.
10. Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi hendaklah mengemukakan laporan kelarian kepada Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan, Timbalan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan, Pengarah Negeri yang berkenaan, Pengarah Bahagian Rawatan, Perubatan dan Pemulihan, Pengarah Bahagian Pengesanan dan Pengawasan serta Ketua Penolong Pengarah (Institusi).
11. Memaklumkan kepada ibu bapa/ penjaga/ saudara paling dekat.

B. Kelarian Di Luar Institusi Pemulihan

1. Pegawai atau Pengawal Pengiring hendaklah melaporkan kelarian kepada Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi dengan segera.
2. Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi perlu memaklumkan kepada Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan dalam tempoh 24 jam, Timbalan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan, Pengarah Negeri yang berkenaan, Pengarah Bahagian Rawatan, Perubatan dan Pemulihan serta Pengarah Bahagian Pengesanan dan Pengawasan serta Ketua Penolong Pengarah (Institusi) mengenai kelarian yang berlaku.
3. Pegawai atau Pengawal Pengiring hendaklah menghimpun semua penghuni dan membawa pulang segera penghuni ke Pusat Pemulihan.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D19/2015	M / S : 5 /10
TAJUK: TINDAKAN APABILA BERLAKU KELARIAN	TARIKH : 2 SEPTEMBER 2015

4. Laporan Polis hendaklah dibuat oleh Pegawai atau Pengawal Pengiring tentang kelarian tersebut.
5. Laporan bertulis berkaitan kelarian tersebut perlu dikemukakan oleh Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi kepada:
 - 5.1 Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan;
 - 5.2 Timbalan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan;
 - 5.3 Pengarah Negeri yang berkenaan;
 - 5.4 Pengarah Bahagian Rawatan, Perubatan dan Pemulihan;
 - 5.5 Pengarah Bahagian Pengesanan dan Pengawasan; dan
 - 5.6 Ketua Penolong Pengarah (Institusi).
6. Makluman mengenai kelarian tersebut juga perlu dimaklumkan kepada keluarga penghuni.

C. Gerakan Mencari

1. Setelah mendapat maklumat awal kelarian, Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi mengarahkan Bilik Gerakan dibuka dan beroperasi 24 jam.
2. Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi boleh memanggil semua pegawai dan kakitangan untuk datang bertugas serta merta.
3. Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi mengarahkan Ketua Cawangan Keselamatan mengadakan satu pasukan gerakan mencari dengan sekurang-kurangnya sepuluh orang anggota.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D19/2015	M / S : 6 /10
TAJUK: TINDAKAN APABILA BERLAKU KELARIAN	TARIKH : 2 SEPTEMBER 2015

4. Tempoh gerakan mencari sekurang-kurangnya 24 jam dari masa kelarian:

4.1 10 jam pertama lima (5) kilometer radius.

4.2 14 jam seterusnya 10 kilometer radius.

5. Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi hendaklah mengarahkan gerakan mencari dihentikan setelah tamat tempoh 24 jam.

D. Penghuni Menyerah Diri Atau Ditangkap

1. Tangkapan dilakukan di dalam dua (2) keadaan iaitu gerakan mencari atau penghuni menyerah diri.

2. Mana-mana pegawai dan kakitangan yang menangkap atau menerima penghuni yang menyerah diri hendaklah membuat laporan tangkapan di Balai Polis.

3. Pegawai yang menangkap hendaklah menyerah tangkapan dan laporan kepada Pegawai Penyiasat.

4. Pegawai Penyiasat hendaklah menjalankan siasatan terhadap kes tersebut.

5. Sekiranya siasatan tidak dapat disiapkan dalam tempoh 24 jam, Pegawai Penyiasat hendaklah membuat permohonan reman.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D19/2015	M / S : 7 /10
TAJUK: TINDAKAN APABILA BERLAKU KELARIAN	TARIKH : 2 SEPTEMBER 2015

6. Tatacara permohonan reman hendaklah dilakukan. **Rujuk Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil. B03/2015 (Reman).**

7. Setelah kertas siasatan disiapkan, kes tersebut hendaklah segera dibawa ke Pejabat Timbalan Pendakwa Raya untuk dituduh sebelum tempoh tahanan reman tamat.

E. Jawatankuasa Siasatan

1. Jawatankuasa Siasatan Peringkat Pusat Pemulihan perlu ditubuhkan:

1.1 Jumlah kelarian kurang dari lima (5) penghuni.

1.2 Dipengerusikan oleh Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi, Timbalan Ketua Pusat Pemulihan dan ahlinya terdiri daripada Pegawai Pemulihan dan Ketua Cawangan Keselamatan.

2. Jawatankuasa Siasatan Peringkat Negeri perlu ditubuhkan:

2.1 Jumlah kelarian antara enam (6) hingga 10 penghuni.

2.2 Dipengerusikan oleh Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri, Penolong Pengarah dan ahlinya terdiri daripada dua (2) orang yang dilantik oleh Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D19/2015	M / S : 8 /10
TAJUK: TINDAKAN APABILA BERLAKU KELARIAN	TARIKH : 2 SEPTEMBER 2015

3. Jawatankuasa Siasatan Peringkat Ibu Pejabat ditubuhkan:

3.1 Jumlah kelarian melebihi 10 penghuni.

3.2 Dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan yang dilantik oleh Ketua Pengarah dan ahlinya terdiri daripada dua (2) orang pegawai daripada Cawangan Institusi dan seorang dari Cawangan Keselamatan yang dilantik oleh Ketua Pengarah.

4. Laporan Jawatankuasa Siasatan hendaklah disiapkan dalam tempoh tujuh (7) hari dengan menggunakan format Laporan Jawatankuasa Siasatan kelarian penghuni.

F. Tindakan Serta-Merta Terhadap Pegawai yang Bertugas

1. Siasatan akan dijalankan oleh Pegawai Penyiasat untuk menyiasat mana-mana pegawai yang bertugas disyaki melakukan kecuaiian atau menyebabkan berlakunya kelarian tersebut.

2. Pegawai yang disyaki dikecualikan dari melakukan tugas-tugas hakiki semasa disiasat oleh Jawatankuasa Siasatan.

3. Setelah siasatan selesai, Pegawai Penyiasat hendaklah menyediakan laporan untuk diserahkan kepada Jawatankuasa Siasatan.

4. Jawatankuasa Siasatan bersidang untuk menentukan samada pegawai yang terlibat bersalah atau tidak.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D19/2015	M / S : 9 /10
TAJUK: TINDAKAN APABILA BERLAKU KELARIAN	TARIKH : 2 SEPTEMBER 2015

5. Sekiranya didapati tidak bersalah Jawatankuasa Siasatan hendaklah mengarahkan pegawai yang terlibat untuk melakukan tugas-tugas hakikinya seperti biasa.
6. Sekiranya didapati bersalah Jawatankuasa Siasatan hendaklah merujuk perkara ini kepada Pengerusi Lembaga Tatatertib. **Rujuk Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil A03/2015 (Disiplin Pegawai Agensi).**

7. TANGGUNGJAWAB

- 7.1 Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi
- 7.2 Timbalan Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi
- 7.3 Ketua Cawangan Pengurusan Penghuni
- 7.4 Ketua Cawangan Pemulihan
- 7.5 Pegawai Penyiasat
- 7.6 Penyelia Asrama
- 7.7 Ketua Cawangan Keselamatan/ Pengawal Keselamatan

8. KUASA PERUNDANGAN

- 8.1 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983
- 8.2 Kaedah-kaedah Pusat Pemulihan Dadah 1983

TERHAD


PERINTAH TETAP : D19/2015	M / S : 10 /10
TAJUK: TINDAKAN APABILA BERLAKU KELARIAN	TARIKH : 2 SEPTEMBER 2015

9. LAMPIRAN

- 9.1 Laporan Jawatankuasa Siasatan Kelarian (D19/BR/01)
- 9.2 Pemberitahuan Kelarian Penghuni (D19/BR/02)
- 9.3 Makluman Kelarian Penghuni (D19/BR/03)
- 9.4 Laporan Kelarian Penghuni (D19/BR/04)

10. DIKUATKUASAKAN

Perintah Tetap ini berkuatkuasa serta-merta.



(DATO' SUHAIMI BIN ABDULLAH)
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tarikh: **2 SEPTEMBER 2015**



**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

PUSAT PEMULIHAN _____

LAPORAN JAWATANKUASA SIASATAN KELARIAN

1. Butir-butir Mesyuarat

1.1 Tarikh Mesyuarat : _____
 1.2 Masa : _____
 1.3 Tempat : _____

2. Ahli Jawatankuasa

2.1 Pengerusi : _____
 2.2 Ahli I : _____
 2.3 Ahli II : _____

3. Butir-butir Laporan

3.1 Tarikh / Masa Kejadian : _____
 3.2 No. Repot Polis : _____
 3.3 Balai Polis : _____
 3.4 Tarikh dan Masa : _____
 3.5 Laporan Dibuat : _____

4. Butir-butir Diri Penghuni Yang Terlibat

4.1 Nama : _____
 4.2 No. Kad Pengenalan : _____
 4.3 Nombor N/B : _____
 4.4 Tarikh Perintah/Mahkamah : _____
 4.5 Tarikh Masuk Institusi : _____
 4.6 Alamat : _____

5. Pegawai / kakitangan yang bertugas semasa kejadian

6. Hasil Siasatan

TERHAD

7. Ulasan dan Syor Jawatankuasa

.....

(Tandatangan Pengerusi)

Nama :

Tarikh :

.....

(Tandatangan Ahli I)

Nama :

Tarikh :

.....

(Tandatangan Ahli II)

Nama :

Tarikh :



**AGENSI ANTIDAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

PUSAT PEMULIHAN _____

Tuan / Puan,

PEMBERITAHUAN KELARIAN PENGHUNI

Nama : _____

N/B : _____ K/P : _____

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

1. Adalah di maklumkan bahawa penghuni seperti di atas telah melarikan diri dari Pusat Pemulihan ini pada _____ lebih kurang jam _____ pagi/petang/malam.
2. Segala usaha mencari penghuni tersebut telah gagal dan aduan telah dibuat di Balai Polis _____ (Bil. Report _____). Jika penghuni tersebut pulang ke rumah tuan/puan ataupun tuan/puan mendapat maklumat di mana penghuni berada, sila hubungi Balai Polis berdekatan atau Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan _____ untuk tindakan selanjutnya.
3. Kerjasama dan perhatian tuan/puan terhadap perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

(.....)

b.p Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi,

Nama : _____

Tarikh : _____

s.k Pegawai AADK Daerah _____



**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

PUSAT PEMULIHAN _____

**Ketua Cawangan Keselamatan
Pengawal Keselamatan
Ketua Penyelia Asrama**

MAKLUMAN KELARIAN PENGHUNI

Ada dimaklumkan bahawa penghuni-penghuni berikut telah melarikan diri pada _____ pagi/petang/malam _____ (tarikh).

BIL.	NAMA PENGHUNI	N/B

Sekian, untuk perhatian tuan/puan.

(_____)

Pegawai Bertugas

Tarikh : _____

TERHAD

5. Bagaimana kelarian berlaku :

6. Sebab Kelarian Berlaku :

7. Masa dan Bagaimana Kelarian Diketahui :

8. Tindakan Segera yang Diambil :

9. Kerosakan Harta Benda, Kecederaan dan lain-lain :

TERHAD

TERHAD

10. Anggaran Kos Kerosakan :

11. Nama Penghuni yang ditangkap semula / tindakan :

12. Nama dan Jawatan Pegawai yang Bertugas :

13. Tempat Bertugas Semasa Kelarian Berlaku

Tandatangan : _____

(Pegawai Bertugas)

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

TERHAD

TERHAD

Ulasan Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi

Tandatangan : _____
(Ketua Pusat Pemulihan/ Institusi)

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

TERHAD